

2 j-kuasa utk selaras kemajuan seni silat

Berita Minggu

Dencana Silat 24 AUG 1980

Oleh MOHD MAIDIN

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) telah membentuk dua jawatankuasa kecil di bawah Majlis Guru-guru dan Jurulatih Silat untuk menyelaras dan memajukan seni silat di Singapura dan urusan antarabangsa.

Jawatankuasa Dewan Wasit dan Juri ditubuhkan khusus untuk keperluan dan penyelenggaraan halehwal para hakim silat di dalam negeri di samping menganjurkan kursus-kursus untuk para guru

dan jurulatih muda untuk menjadi wasit dan juri silat.

Sementara Jawatankuasa Penyelenggara pula akan mengambil tanggungjawab menguruskan soal penganjuran pertandingan atau persembahan di dalam dan luar negeri.

Demikian diumumkan oleh Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff, dalam satu temuramah, baru-baru ini.

Bagi kedua-dua jawatankuasa kecil itu, Encik Johari dilantik sebagai Ketua Umum dengan peranan dan tanggungjawab menyeluruh sementara Encik Rahim Dayan pula menjadi Ketua Satu.

Encik Johari menarik perhatian bahawa perkembangan silat di masa-masa akan datang akan bertambah baik dan lebih ramai orang dijangka akan mempelajari kesenian itu.

Tenaga muda

"Dengan itu adalah wajar jawatankuasa wasit dan juri ditubuhkan untuk melatih lebih ramai guru dan jurulatih silat di kedua bidang kehakiman. Tambahan pula peraduan-peraduan silat (olahraga) akan menempah tempat sebagai salah satu kegiatan silat di sini.

"Dengan adanya pengetahuan wasit dan juri, taraf guru dan jurulatih di sini akan ditingkatkan lagi kerana pengetahuan



ENCIK JOHARI
Sebagai Ketua Umum

mereka akan diperluaskan lagi untuk meliputi aspek persilatan yang lebih besar," kata Encik Johari. 24 AUG 1980

Pengerusi Jawatankuasa ini ialah Encik Buang Baha, sementara Setiausaha hanya ialah Encik Shukor Rais. Para anggota jawa-

tankuasa terdiri dari para wakil dari berbagai pertubuhan silat.

Jawatankuasa Penyelenggara pula dipengerusikan oleh Encik Seain Mat Som dan setiausahanya Encik M. Rafi Burmawi dan Persisi akan menjemput para wakil dari badan-badan silat untuk menubuhkan jawatankuasa penuh.

Sementara itu, dalam jawatankuasa pentadbir Majlis Guru-guru dan Jurulatih Silat, Encik Suib Selamat telah dilantik selaku Jurulatih Kebangsaan menggantikan tempat Encik Hosni Ahmad.

Pengalaman

Encik Suib akan dibantu oleh dua jurulatih muda (dulunya hanya seorang pembantu saja), iaitu Encik Mohd Din Mohd sebagai pembantu jurulatih satu dan Encik Khalid Saat sebagai pembantu jurulatih kedua.

Kedua jurulatih muda ini akan diberikan latihan sambil menjalankan tugas dengan harapan pengalaman mereka dapat diperluaskan untuk membaiki lagi mutu latihan silat di sini, jelas Encik Johari.

Silat: Usaha terbit buku terpenting

Berita Minggu

-7 SEP 1980

ANDA boleh menjadi sebahagian dari orang-orang Melayu di sini yang memberikan sumbangan mereka bagi menghasilkan sebuah buku silat yang ulung dan berdarjat.

Usaha-usaha sedang giat dijalankan oleh Persekutuan Silat Singapura (Persisi) untuk menyiapkan buku tersebut yang diharap akan menjadi buku silat terpenting sekali pernah diterbitkan.

Kerjasama tiga pihak sedang dijalankan sekarang (dengan Malaysia dan Indonesia) bagi penerbitan buku itu — mulanya dalam bahasa Inggeris — dan Persi-

si membuka peluang kepada siapa saja penduduk tempatan yang mahu memuatkan hasil kajian silat mereka ke dalam buku itu.

Menurut Persisi, di Singapura, terdapat ramai orang, khasnya guru-guru silat, yang mengetahui perkembangan silat di sini baik secara menyeluruh atau sesuatu jenis silat tertentu dan Persisi berharap dapat menjadikannya sebahagian dari buku silat itu.

Lebih bererti

Jurucakap persatuan itu berkata berbagai jenis silat telah diamalkan di sini sejak berpuluh dan beratus tahun yang lalu dan sebahagiannya

masih lagi terencil dari pengetahuan umum.

Orang-orang yang mengetahui atau terlibat dalam kegiatan silat diharap dapat memberikan sumbangan mereka untuk menjadikan buku itu lebih bererti, khususnya bagi kegiatan silat di negara ini.

Segala sumbangan boleh dihantarkan kepada Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff, di Blok 10, 2731-F, Eunus Crescent, Singapura 1440.

Bila diterbitkan, buku itu akan diedarkan di peringkat antarabangsa untuk meluaskan pengetahuan masyarakat dunia mengenai persilatan Melayu dan menarik penyer-taan lebih ramai orang.